



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**25 Disember 2023  
12 jamadilakhir 1445H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyu lipas, karah diancam kepupusan</li><li>• UMS – Jabatan Perikanan laksana projek rumpai laut</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernamea	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL	7	25/12/2023

Selepas penyu belimbing lenyap di perairan Terengganu

# Penyu lipas, karah diancam kepupusan



JABATAN Perikanan melepaskan anak penyu agar dan karah pada setiap tahun dalam usaha untuk memastikan penyu tersebut kekal membiak pada masa akan datang. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Oleh ZAID MOHD. NOOR

zaidnews@medianmula.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Selepas penyu belimbing lenyap di perairan Terengganu, dua lagi spesies penyu kini didapati semakin pupus berdasarkan kepada jumlah pendaratan yang direkodkan di pantai Terengganu sejak tahun 2020.

Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, pada masa ini, penyu lipas dan penyu karah dikhuatiri semakin kurang membiak seperti dialami penyu belimbing setelah hanya dikesan mendarat dan bertelur di pantai negeri ini pada tahun 2017.

Bagaimanapun katanya, satu lagi spesies iaitu penyu agar pula didapati masih banyak mendarat dan bertelur di pantai negeri ini.

"Penyu lipas didapati tidak mempunyai rekod pendaratan di negeri ini dari tahun 2020 hingga tahun ini dan perkembangan tersebut menunjukkan penyu tersebut semakin pupus," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, baru-baru ini.

Dalam pada itu, katanya, pe-



RUZAIDI MAMAT

nyu karah mencatatkan hanya sebanyak 11 pendaratan iaitu sembilan di Pulau Redang dan dua ekor lagi Pulau Lang Tengah pada tahun ini.

Tambahnya, sebanyak 14 ekor penyu karah dikesan mendarat di Terengganu pada 2022, lapan ekor (2021) dan tujuh ekor (2020).

Ruzaidi memberitahu, sebanyak 10,116 ekor penyu agar mendarat dan bertelur di negeri ini pada tahun ini berbanding 9,618 ekor (2022), 7,301 ekor (2021) dan 8,308 (2020).

"Jumlah penyu agar didapati menunjukkan peningkatan jumlah pendaratan dan diharapkan mencatat peningkatan selepas ini," ujarnya.

Selain itu, menurut beliau, sebanyak 462,783 ekor anak penyu agar dilepaskan di perairan Terengganu pada tahun ini dalam usaha memastikan penyu agar terus membiak di perairan negeri ini.

Katanya, jumlah anak penyu agar yang dilepaskan pada tahun 2022 ialah 586,430 ekor dan selain itu, sebanyak 429,371 ekor (2021) dan 452,187 ekor (2020).

"Anak penyu karah turut dilepaskan pada tahun ini iaitu sebanyak 901 ekor, 1,105 (2022), 599 (2021) dan 290 (2020)," katanya.

*Mingguan Malaysia* semalam melaporkan zaman kegemilangan Rantau Abang di Dungun sebagai antara lokasi pendaratan penyu belimbing yang penting di dunia, kini dilihat mustahil berulang berikutan spesies tersebut telah lenyap dari perairan Terengganu. Pendaratan terakhir penyu belimbing yang pernah direkodkan di negeri ini ialah pada 2017.

Malah seorang pakar pemuliharaan penyu telah membuat

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	/	NEGATIF	NEUTRAL		36
						25/12/2023



**PENGARAH IPMB UMS, Profesor Madya Dr. Faihana Ching Abdullah (kiri) menerima tali penanaman rumpai laut daripada Jabatan Perikanan Sabah sebagai gimik penyerahan platform rumpai laut kepada UMS.**

## UMS-Jabatan Perikanan laksana projek rumpai laut

**KOTA KINABALU:** Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Jabatan Perikanan Sabah akan melaksanakan projek tanaman rumpai laut bagi meningkatkan lagi industri tersebut.

Sehubungan itu Majlis Penyerahan Peralatan Penanaman Rumpai Laut di Jeti UMS, diadakan baru-baru ini untuk mengukuhkan lagi jalinan kerjasama antara dua agensi bagi memacu penyelidikan berkaitan rumpai laut yang merupakan salah satu industri penting dan berpotensi di negara ini.

Selain itu, ia juga merupakan salah satu aktiviti di bawah memorandum persefahaman yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada Jun lalu.

Selain penyerahan peralatan, satu ladang contoh turut dibangunkan berhampiran jeti UMS.

Selaras dengan sasaran Jabatan Perikanan dalam Pelan Sabah Maju Jaya, industri itu disasar untuk membangun dalam semua rantaianya termasuk pembukaan kawasan baharu, membangun aktiviti hulu dan hiliran serta pembinaan modal insan dalam industri ini.